

Mahathir: Crypto fahaman Yahudi

ALOR SETAR, Ahad — Fahaman Crypto yang dianuti oleh golongan yang cuba menggulingkan Kerajaan Malaysia menerusi perjuangan bersenjata, adalah berasaskan fahaman Zionis Yahudi.

Demikian didedahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, kepada lebih kurang 500 pemimpin agama Islam di satu kursus di Jitra, hari ini.

Menurut beliau, dari laporan lengkap yang diterimanya, fahaman itu dianjurkan oleh orang Islam "ataupun sekurang-kurangnya orang yang dilahirkan dari keluarga Islam."

"Fahaman ini berasaskan kepada kitab Injil dan Taurat,

Lihat Muka 6

Mereka guna Islam sebagai umpan

Dari muka 1

kononnya, dan mereka yang menganuti memimpin fahaman ini dikatakan mendapat wahyunya dari kaset dan menganggap dirinya sebagai Imam Mahadi.

"Pemimpin fahaman ini juga mendakwa, roh Nabi Esa telah meresap ke dada mereka. Mereka menulis sebuah kitab tebal dari wahyu yang diterimanya dari kaset.

Ditangkap

"Mereka juga telah meyakinkan sebilangan yang tidak kecil jumlahnya di kalangan orang Islam di Malaysia bahawa pemimpin fahaman ini adalah Imam Mahadi dan fahaman itu adalah agama terakhir sekali di dunia ini," jelasnya.

Katanya lagi, Kerajaan terpaksa bertindak menangkap mereka demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Tetapi, tambahnya, tidak mungkin kesemua anggota fahaman itu dapat ditangkap sekaligus.

"Kita tidak tahu sama

ada anggotanya yang masih bebas akan meneruskan usahanya menyebarkan fahaman tersebut yang terang-terang bertentangan dan bercanggah dengan agama Islam," katanya.

Kumpulan itu, katanya, pada mulanya akan menggunakan agama Islam sebagai umpan untuk memancing pengaruh di kalangan umat Islam di Malaysia.

Berikutnya, mereka akan menyebarkan pula fahaman yang bertentangan dengan Islam.

"Kegiatan ini sedang berlaku kerana kefahaman di kalangan segelintir umat Islam mengenai agama tidak mendalam, mereka tidak begitu memahami agama sendiri.

"Sebab itulah Kerajaan berusaha supaya umat Islam di negara ini sentiasa memperdalam pengetahuannya terhadap agama, serta mengkaitkan agama Islam dengan perubahan serta perkembangan alam sekelilingnya," tambahnya.